

Indonesia-Malaysia tangani 10 masalah

Dua negara sepakat atasi isu per sempadanan seperti titik sempadan kabur, hilang

B.H 14/12/07 MCLB

INDONESIA mendapati ada 10 masalah yang perlu ditangani bersama dengan Malaysia berhubung sempadan kedua-dua negara termasuk mengukur semula sempadan di Tanjung Datu, Sarawak, kata Pengarah Pentadbiran dan Sempadan Kementerian Dalam Negeri, Kartiko Purnomo.

Masalah membabitkan sempadan di Gunung Raya juga sedang ditangani kerana hasil kaji ukur sebelum ini tidak dapat memuaskan hati kedua-dua pihak, katanya pada majlis Penataan Sempadan Daerah dan Pengembangan Daerah Perbatasan Negara di Anyer, Banten, Ahad lalu.

Beliau berkata, masalah ketiga membabitkan keadaan garis sempadan di Gunung Jagoi/Sungai Buan yang dikatakan tidak selaras dengan Konvensyen 1928, manakala masalah keempat berkaitan sempadan Batu Aum berhubung persoalan penerapan arah dan jarak mengenai garis sempadan yang belum dipersetujui kedua-dua negara.

Masalah kelima adalah pada titik D 400. Hasil kajian Indonesia-Malaysia pada 1987/1988 ternyata tidak menemukan garis pemisah sempadan. "Masalah perbatasan keenam, adalah soal perbatasan

LOKASI

Sempadan Indonesia - Malaysia

Fakta:

- Panjang sempadan 1,038 kilometer
- Keadaan sempadan hutan dan bergunung-ganang



di Pulau Sebatik. Kedua-dua kumpulan penyelidik menemukan tugu di sebelah barat pulau itu pada bahagian selatan posisi yang seharusnya 4 darjah 20", sehingga merugikan Indonesia," kata Kartiko.

Masalah ketujuh pula mem-babitkan perbatasan di Sungai Sinapad. Muara sungai yang berada di Utara Garis Lintang 4 darjah 20". Lintang Utara itu tidak sesuai dengan Konvensyen 1891 dan 1915.

Kelapan, permasalahan di sempadan Sungai Semantipal. Pihak Malaysia menyampaikan keluhan mengenai kedudukan muara sungai itu, manakala masalah kesembilan, pada titik C 500 - C 600, di mana pihak Malaysia mengeluh kerana garis pemisah itu sudah tidak kelihatan.

Masalah ke-10 adalah titik B

2700 - B 3100 hasil ukuran bersama menunjukkan penyimpangan sehingga merugikan Malaysia. "Semua permasalahan sempadan itu, belum ada satu pun yang selesai," kata Kartiko.

Bagaimanapun, Kartiko mengaku sudah ada kesepakatan kedua-dua negara berjiran untuk menyelesaikan permasalahan dari kawasan timur iaitu dari Pulau Batik menuju ke arah Barat.

Menurut Kartiko, untuk menyelesaikan masalah itu harus melihat Perjanjian 1891 diterjemahkan bahasa kuno menjadi bahasa yang sekarang biasa dipakai. Hal ini perlu dilakukan agar tidak terjadi bermacam-macam tafsiran, misalnya soal penentuan titik awal atau garis pangkal sempadan.

"Pada soal titik awal ini,

misalnya sudah menimbulkan masalah. Jadi saya fikir agak mustahil jika semua 10 permasalahan itu dapat diselesaikan serentak, kerana memang susah untuk memastikan kedua-dua negara bersetuju," katanya.

Kartiko menjelaskan isu Sipadan dan Ligitan, sebenarnya memberi kesan terhadap Indonesia, kerana ia mem-babitkan undang-undang antarabangsa berhubung undang-undang laut. Implikasinya bila ini dibiarkan, dikhuatiri daerah 'di bawah' Sipadan dan Ligitan yang banyak mengandungi minyak akan menjadi sebahagian wilayah Malaysia.

"Justeru, yang harus dilihat adalah implikasi daripada masuknya kedua-dua pulau itu ke wilayah Malaysia. Jadi kita harus memasang boya di laut, memo-

denkan angkatan laut kita dan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) harus memberi perhatian terhadap hal ini," kata Kartiko.

Sebelum ini, Republika mela-porkan, kawalan sempadan Kalimantan Timur - Malaysia memerlukan peralatan dan pengangkutan canggih kerana wilayah itu mem-babitkan keadaan geografi yang luas dan bergunung ganang.

Sehubungan itu, antara alat bantuan yang cukup baik untuk mengatasinya ialah menggunakan pesawat ringan atau helikopter.

"Panjang kawasan perbatasan Kalimantan Timur dan Malaysia (Sabah dan Sarawak) mencapai 1,038 kilometer. Memang sukar mengawasi keadaan muka bumi yang bergunung ganang dan dipenuhi hutan," kata Kolonel Bambang Budi Waluyo, di

Samarinda.

Selain menjaga khazanah alam, beliau berkata usaha dibuat dengan meminta bantuan Malaysia bagi memantau kemasukan pendatang tanpa izin dan kegiatan pembalakan haram. Helikopter sangat diperlukan kerana kawasan perbatasan sukar dilalui menerusi jalan darat.

"Jumlah pos perbatasan dan pejabat kawalan tidak banyak berbanding keluasan wilayah, malah anggota tentera Indonesia hanya mampu mengawasi kawasan sempadan dengan menggunakan kenderaan darat yang kemampuannya terbatas," katanya.

Selain itu kata beliau, pos penjagaan hanya ada di 17 tempat sedangkan ada ratusan jalan tikus untuk menyeberang ke sempadan Malaysia.